



Apr - Jun 2022

BIL 2 / 2022

LAPORAN AKTIVITI HEPA



*"Meneraju Keunggulan Graduan Holistik
Menerusi Perkhidmatan dan Pembangunan
Modal Insan"*



Iftar

PERDANA



PELAJAR UMK BERSAMA PEMIMPIN MASYARAKAT KELANTAN

YBhg. Prof. Dr. Razli Bin Che Razak, Naib Canselor UMK juga menjalankan fungsi sebagai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwat Pelajar dan Alumni) telah bersama pelajar UMK dalam majlis berbuka puasa bersama pemimpin masyarakat anjuran Universiti Malaysia Kelantan di Dewan Eksperimental, UMK Kampus Kota.



Majlis ini turut dihadiri oleh YBhg. Tan Sri Haji Mohamad Fatmi Bin Che Salleh, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti UMK, YB Datuk Haji Ahmad Jazlan Bin Yaakob, Pengerusi Felcra Berhad, Ahli Lembaga Pengarah Universiti UMK, Para Pemimpin Masyarakat, pengurusan tertinggi UMK, ahli Majlis Perwakilan Pelajar UMK, serta seluruh pelajar Universiti Malaysia Kelantan. Majlis Iftar ini turut diadakan di UMK Bachok pada 20 Apr 2022 dan Kampus Jeli pada 21 Apr 2022 .



IFTAR & MAJLIS RAYA 2022



26 April | YB Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi Bin Haji Che Salleh, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti UMK dan YBhg. Prof. Dr. Razli Bin Che Razak, Naib Canselor UMK yang juga Menjalankan Fungsi sebagai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) hadir pada majlis iftar bersama pelajar IPT Kelantan bagi mengiringi YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Menteri Pengajian Tinggi di Hotel Holiday Villa, Kelantan. Iftar ini adalah salah satu program di dalam Siri Jelajah KPT Prihatin Keluarga Malaysia (KPKM) Edisi Keusahawanan. Program anjuran KPT ini dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dan UMK. Program ini juga telah diisi dengan pelbagai aktiviti seperti pameran keusahawanan dan forum keusahawanan.



16 April | Majlis Perwakilan Pelajar serta badan kepimpinan pelajar UMK menghadiri majlis iftar bersama YAB Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob dan Menteri Pengajian Tinggi, YB Datuk Seri Dr Noraini Ahmad di Sri Perdana, Putrajaya. Mewakili Naib Canselor, YBhg. Prof. Ts. Dr. Arham bin Abdullah, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan Dan Inovasi) ke majlis tersebut.

1 Jun 2022 | YBhg. Prof. Dr. Razli bin Che Razak, Naib Canselor merangkap Yang Menjalankan Fungsi Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni serta pengurusan tertinggi universiti telah bersama-sama dalam Majlis Tautan Kasih Universiti Malaysia Kelantan Sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri Peringkat Universiti. Majlis ini melibatkan semua warga kampus dari ketiga-tiga kampus iaitu Bachok, Kampus Kota dan Kampus Jeli. Majlis ini turut diserikan lagi dengan penyerahan hamper aidilfitri kepada pelajar B40, sumbangan dari pihak YAPEIM dan persembahan dari pasukan pelajar Le Waris.



ZIARAH & BANTUAN




Allahyarham Tuan Nurul Atikah Binti Tuan Anizan (J19A0045) (SBT - FBKT) telah menghembuskan nafas terakhir di kolej kediaman UMK Kampus Jeli pada pukul 1.30 pagi, 14 April 2022. Bahagian Hal Ehwal Pelajar, UMK telah menguruskan perbelanjaan pengurusan jenazah dan penghantaran jenazah pulang ke kediaman keluarga di Kampung Barang, Kuala Terengganu dan menanggung kos yang terlibat. Pihak universiti juga mencarum insurans perlindungan kepada setiap pelajar UMK. Waris pelajar akan diberi RM7,000.00 mengikut skop perlindungan kes kematian natural causes.



Sumbangan bakul ramadhan yang merupakan barang makanan asas telah disampaikan kepada pelajar B40 UMK yang menyewa rumah di sekitar kampus bagi memastikan kebajikan pelajar UMK sentiasa terjaga. dan ia diadakan di semua kampus .

Allahyarham Ahmad Lufti Bin Salman, pelajar tahun 3 program Sains Kelestarian, Fakulti Sains Bumi, Kampus Jeli telah meninggal dunia dalam kemalangan jalan raya di Gerik pada 11 Jun 2022. Bagi membantu meringankan beban keluarga, pihak UMK telah menyediakan bantuan pengurusan jenazah iaitu RM450.00 untuk mandi jenazah, van jenazah RM140.00, zakat RM1000.00 dan insuran kematian RM20,000.00.



PEMBANGUNAN PELAJAR



STUDENT LEADERSHIP CAMP TRAINING SIRI 1 (SELECT 1.0) - MYLEAP I-LEAD KBS

17 - 19 Mei - Seramai 60 orang pemimpin pelajar terdiri daripada Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Jawatankuasa Pimpinan Kolej Kediaman (JPKK) dan Sekretariat SAPP dari ketiga-kampus telah berkampung di Kem Wawasan Negara Kuala Lipis, Pahang untuk menghadiri kursus kepimpinan dan kenegaraan selama 3 hari 2 malam. Objektif kursus ini antara lain adalah untuk melatih para pemimpin pelajar membentuk karakter dan peribadi sebagai seorang pemimpin yang sebenar selain menyemarakkan semangat patriotik kepada tanahair serta kesedaran UNDI 18.



KURSUS PENGURUSAN ORGANISASI DAN TEAMBUILDING PESKO

20 - 23 Mei - Seramai 70 orang Sekretariat Pesta Konvokesyen Kali Ke - 12 (PESKO) terdiri daripada MT dan Ketua Portfolio telah menghadiri Kursus Pengurusan Organisasi dan Teambuilding yang telah diadakan di Kem Wawasan Negara Kulim, Kedah anjuran BHEP dan i-LEAD KBS. Objektif kursus ini adalah persiapan para sekretariat dalam mempersiapkan gerak kerja bagi pesta konvokesyen yang akan berlangsung tidak lama lagi.

PROGRAM PEMADAM@KAMPUNG 2022



2 JUN 2022 - Seksyen Kaunseling, Bahagian Hal Ehwal Pelajar UMK dan Kelab Mahasiswa PEMADAM UMK dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) Chiku 7, PEMADAM Kebangsaan serta Persatuan Anak-Anak Felda mengadakan Program PEMADAM @Kampung 2022. Majlis Perasmian dan Penyerahan Anak Angkat telah dirasmikan oleh YB. Amran Ariffin, Ahli Dewan Undangan (ADUN) Paloh dan dihadiri Naib Canselor UMK, Prof. Dr. Razli Che Razak. Seramai 100 orang mahasiswa daripada UMK dan wakil daripada universiti awam turut serta dalam menjayakan program ini yang berlangsung dari 2-4 Jun 2022. Objektif utama Program PEMADAM@Kampung 2022 adalah memperkasa peranan mahasiswa dengan gaya hidup penuh erti kepada komuniti melalui aktiviti-aktiviti yang berfaedah serta dapat mengelakkan kepada gejala yang tidak sihat.

KECEMERLANGAN PELAJAR

TAHNIAH!

**PINGAT EMAS
PETANQUE SINGLE LELAKI**
MUHAMMAD AFIQ BIN AMRAN
FAKULTI INDUSTRI ASAS TANI

**PINGAT GANGSA
PETANQUE DOUBLE WANITA**
AINUN BALQIS BINTI ABDUL RAJI
FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN
NURUL AISYAH BINTI YUSOFF
FAKULTI SENIBINA DAN EKISTIK

**KARNIVAL SUKAN MASUM FASA 1, 2022
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
24-27 MAC 2022**

Logos: 100th Anniversary of UM, TH, IMPACT, Sustainable Development Goals, Entrepreneurship & Inovasi, OfficialUMK, #WeAreUMKFamily, #OneUMKOneDream

KARNIVAL SUKAN MASUM FASA 1-2022

TIMBALAN BENDAHARI MAJLIS PERUNDINGAN PELAJAR KEBANGSAAN SESI 2021/2022

**UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN**

SETTINGGI-TINGGI

Tahniah

MUHAMMAD SAIFUL AMIRUL
BIN SHAHRUL NIZAM
(YANG DI PERTUA
MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR UMK)
atas pelantikan sebagai
TIMBALAN BENDAHARI
MAJLIS PERUNDINGAN PELAJAR KEBANGSAAN
(MPPK) SESI 2021/2022

Ikhtis Daripada:
Naib Canselor &
Yang Menjalankan Fungsi Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwat Pelajar Dan Alumni)
Dan Seluruh Warga HEPA
Universiti Malaysia Kelantan

Logos: TH, IMPACT, Sustainable Development Goals, Entrepreneurship & Inovasi, OfficialUMK, #WeAreUMKFamily, #OneUMKOneDream

RANGKUMAN PROGRAM

